

MAHATHIR-DEB

(1)

OLEH BERNARD LIM 1981

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMAL —KAN DASAR EKONOMI BARU SEKARANG DAN MENINGKATKAN PELBAGAI KEGIATAN EKONOMI DALAM KONTEKS KESTABILAN POLITIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

DALAM TEMU RAMAH SEMPENA 100 HARI BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI, BELIAU BERKATA PERTUMBUHAN YANG DICAPAI DI BAWAH DEB SETAKAT INI ADALAH SANGAT BAIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, Y YANG BUAH FIKIRANNYA DALAM BUKU KARYANYA +THE MALAY DILEMMA+ TELAH DIMASUKKAN DALAM DEB, MENJELASKAN BAHAWA DASAR ITU BUKAN HANYA SATU DASAR EKONOMI BAHKAN SATU DASAR POLITIK JUGA.

KATANYA JIKA IA HANYA SEMATA-MATA DASAR EKONOMI, KERAJAAN AKAN MEMILIH PERTUMBUHAN TANPA MEMIKIRKAN PERIMBANGAN PEM-BAHAGIAN.

INI, K KATANYA, AKAN MEMBAWA KEPADA KETIDAKSTABILAN POLITIK.
— BERSAMBUNG 1935/SZ

B585

MAHATHIR-DEB 2 KUALA LUMPUR

KATANYA +JIKA KITA SAMA SEPERTI SINGAPURA KITA AKAN MEMILIH HANYA PERTUMBUHAN EKONOMI.+

+LUPAKAN SAHAJA KEMISKINAN LUARBANDAR, LUPAKAN MENGENAI ORANG MELAYU DAN CINA YANG TIDAK SETANDING DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI. SAYA YAKIN PERTUMBUHAN EKONOMI BOLEH BERKEMBANG PESAT, TETAPI AKAN BERLAKULAH KETIDAKSTABILAN POLITIK YANG MELUAS.+

MENYEBUT IRAN SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SHAH BERPENDAPAT PEMBANGUNAN EKONOMI ADALAH PERKARA PALING PENTING.

SHAH TELAH BERUSAHA MEMBINA IRAN SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KUAT DAN MENDIRIKAN KILANG-KILANG DAN MEMIKIRKAN RAKYAT AKAN GEMBIRA TETAPI MEREKA KEMUDIAN MENGHALAUNYA KELUAR DARI NEGARA ITU.
— BERSAMPUNG 1940/SZ

B586

MAHATHIR-DEB 3 KUALA LUMPUR

KATANYA PERTUMBUHAN EKONOMI TIDAKLAH SEPENTING KESTABILAN POLITIK.

+APA YANG SEHARUS KITA LAKUKAN TALAH MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI DALAM KONTEKS KESTABILAN POLITIK.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA ITU DIAMBILKIRA M ATLAMATNYA NEGARA INI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG.

+BAGAIMANAPUN, JIKA KITA MEMIKIRKAN PERTUMBUHAN EKONOMI, TENTU SEKALI ORANG AKAN BERKATA KITA TIDAK BEGITU BERJAYA,+
KATANYA.

MEMBANDINGKAN KEMAJUAN NEGARA INI SEMASA DI PERINTAH OLEH BRITISH DAN SELEPAS MERDEKA, BELIAU BERKATA SELURUH KUALA LUMPUR TELAH DIBINA 24 TAHUN SELEPAS MERDEKA.

SEBALIKNYA, TIDAK ADA SEBARANG PEMBANGUNAN DI BAWAH PEMERINTAHAN BRITISH SELAMA LEBIH 100 TAHUN. — BERSAMBUNG 1945/SZ